

EPU.S.12-12/14/69

TINDAKAN SERTA-MERTA

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
PENYEDIAAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (KSP RMKe-12)
DAN PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2024-2025**

1. Tujuan

1.1 Tujuan garis panduan ini adalah untuk:

- (a) memaklumkan prestasi ekonomi makro tahun 2021 dan 2022 serta prospek ekonomi bagi baki tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12);
- (b) memaklumkan prestasi pemantauan serta pencapaian pelaksanaan dasar RMKe-12;
- (c) memaklumkan peranan dan tindakan kementerian/jabatan bagi membantu penyediaan dan pelaksanaan Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12;
- (d) memberi panduan mengenai kaedah permohonan projek pembangunan RMKe-12 bagi tempoh 2024-2025; dan
- (e) memaklumkan jadual penyediaan KSP RMKe-12.

2. Prestasi Ekonomi Negara 2021-2022 dan Prospek Ekonomi bagi Baki Tempoh RMKe-12

2.1 Pertumbuhan ekonomi global bagi tempoh dua tahun pertama RMKe-12 menunjukkan peningkatan, walaupun terdapat pelbagai cabaran termasuk pandemik COVID-19 dan krisis geopolitik. Ekonomi Malaysia dianggar mencatatkan pertumbuhan yang baik sebanyak **5.8% setahun**, melebihi sasaran yang ditetapkan dalam RMKe-12.

2.2 Pertumbuhan dipacu oleh permintaan domestik, terutamanya penggunaan swasta yang berkembang **5.2%** dan pelaburan swasta sebanyak **2.8%** dan disokong oleh sektor luar negeri. Dari sudut penawaran, pertumbuhan ekonomi terus disokong oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan yang berkembang kukuh. Sektor pembuatan telah meningkat sebanyak **7.9% setahun**, melepasi sasaran pertumbuhan yang ditetapkan di bawah RMKe-12. Prestasi yang memberangsangkan ini didorong oleh permintaan yang kukuh bagi produk elektrik dan elektronik (E&E) serta produk peralatan pengangkutan. Sektor perkhidmatan pula berkembang sebanyak **5.0% setahun** disumbang oleh subsektor peruncitan, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi serta kewangan dan insurans. Sektor perlombongan juga mencatat pertumbuhan yang positif sebanyak **1.2% setahun** disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran gas asli.

2.3 Walau bagaimanapun, aktiviti berkaitan pelancongan seperti makanan, minuman dan penginapan **masih terkesan** berikutan beberapa langkah kawalan pergerakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. Manakala, sektor pertanian telah mencatat penguncupan marginal sebanyak **-0.04% setahun**, terutamanya disebabkan oleh aktiviti pengeluaran minyak sawit yang rendah berikutan harga baja yang tinggi dan isu kekurangan pekerja. Sektor pembinaan turut menguncup sebanyak **-1.6% setahun** disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang lebih perlahan dalam subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman.

Isu dan Cabaran

2.4 Dalam memastikan sasaran RMKe-12 dapat dicapai, **penelitian semula dasar, strategi dan inisiatif** perlu dilaksanakan bagi memastikan perancangan ekonomi yang dirangka masih relevan dengan keadaan ekonomi semasa yang pantas berubah serta membantu mencapai matlamat negara makmur, inklusif dan mampan. KSP RMKe-12 membolehkan Kerajaan mengukur **pencapaian sasaran** bagi tempoh dua tahun pertama dan pelaksanaan dasar yang telah digubal serta menilai, mengkaji dan menyemak semula pembangunan sosioekonomi bagi baki tempoh RMKe-12.

2.5 Pelaksanaan KSP RMKe-12 juga akan dapat mengenal pasti **isu dan cabaran** yang boleh mengekang pencapaian sasaran pertumbuhan yang ditetapkan. Antara cabaran utama di **peringkat global** termasuk ketegangan geopolitik, impak perubahan iklim dan dasar monetari yang diperketat. Pada **peringkat domestik** pula, antara isu yang memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara termasuk jangkaan peningkatan kadar inflasi dan kos sara hidup, jurang pembangunan yang masih melebar, isu pengekalan kelestarian alam sekitar dan kedudukan kewangan Kerajaan yang terhad.

Prospek Ekonomi bagi Baki Tempoh RMKe-12

2.6 Pertumbuhan ekonomi Malaysia disasarkan kekal seperti anggaran awal RMKe-12, iaitu **antara 4.5% hingga 5.5% setahun**. Semakan sasaran ini mengambil kira pencapaian pertumbuhan KDNK bagi tempoh dua tahun pertama RMKe-12 yang memberangsangkan walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran ekonomi global. **Pertumbuhan KDNK** bagi baki tempoh 2023-2025 dianggarkan berkembang dalam lingkungan **4.0% hingga 5.0% setahun**.

2.7 Walau bagaimanapun, matlamat untuk mencapai **negara berpendapatan tinggi** pada tempoh akhir RMKe-12 dijangka agak mencabar. Penggunaan swasta dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, pasaran buruh yang bertambah baik dan pelbagai strategi dan inisiatif Kerajaan bagi memastikan peningkatan **kesejahteraan rakyat** dan **kelangsungan perniagaan**. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan

pembuatan akan terus memacu pertumbuhan, terutamanya dalam **bidang teknologi baharu** dan **bernilai tambah** yang tinggi. Dalam sektor perkhidmatan, penekanan diberi untuk melonjakkan perkhidmatan moden dan mempercepat pembangunan industri yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi, termasuk industri halal, kreatif dan digital. Seiring dengan usaha Malaysia untuk menguasai **teknologi 4IR**, lapan industri strategik dan berimpak tinggi yang telah dikenal pasti akan terus diperkukuh bagi memacu pertumbuhan. Antaranya termasuk E&E, perkhidmatan global, aeroangkasa, pelancongan, pertanian pintar dan biojisim.

2.8 Selain itu, keutamaan akan terus diberi bagi membangunkan **bakat masa hadapan**, pengagihan **ekonomi yang adil dan inklusif** serta memastikan **kelestarian alam sekitar** selaras dengan Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan (**Agenda 2030**) dan pencapaian pelepasan gas rumah kaca (GHG) bersih sifar seawal-awalnya pada tahun 2050. Pertumbuhan juga akan terus disokong oleh kadar inflasi dan kadar pengangguran yang stabil serta lebih akaun semasa imbalan pembayaran yang kekal kukuh. Agenda pembangunan negara perlu juga mengambil kira **kedudukan kewangan** dan sasaran **kemampuan fiskal**.

2.9 Bagi memastikan matlamat untuk mencapai negara berpendapatan tinggi dapat direalisasi dalam tempoh RMKe-12, **peranan sektor swasta** sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara akan terus diperkukuh dengan disokong oleh sektor awam sebagai **pemudah cara**. Selain itu, usaha akan dipertingkatkan untuk mempercepatkan peralihan struktur ekonomi bagi meningkatkan **rantaian nilai** serta meningkatkan **pelaburan swasta** yang berkualiti dan mengutamakan elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (**ESG**). Di samping itu, agenda pendigitalan negara akan terus dimantapkan dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (**PMKS**) akan terus diperkasa untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Tumpuan juga akan diberi untuk memastikan **jaminan dan keselamatan bekalan makanan** bagi mengawal kenaikan harga makanan dan mengurangkan kebergantungan kepada import makanan. Di samping itu, pertumbuhan akan terus disokong oleh penerimgunaan teknologi dan inovasi, penambahbaikan ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan, pengukuhan integriti dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan serta kematangan politik.

3. Pemantauan Prestasi Pelaksanaan RMKe-12

3.1 Kerajaan komited untuk melaksanakan inisiatif radikal bagi memacu perubahan untuk memastikan objektif kemakmuran, inklusiviti dan kemampunan dapat dicapai dalam tempoh RMKe-12. Tumpuan diberi kepada **tiga tema** utama iaitu **menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti** serta **melonjakkan kemampunan**. Pencapaian sasaran yang ditetapkan di bawah tema ini disokong oleh **empat pemangkin dasar** yang difokuskan untuk **membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimgunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan** serta **memperkukuh perkhidmatan awam**. Pemangkin dasar ini membentuk asas dan komponen penting pembangunan Malaysia bagi baki tempoh RMKe-12.

3.2 Berdasarkan tema dan pemangkin dasar tersebut, 14 pemacu perubahan diperkenalkan di mana idea baharu dan inovatif diketengahkan bagi mencetus peralihan pemikiran serta mengubah pendekatan dalam membangunkan negara. Tema, pemangkin dasar dan pemacu perubahan tersebut adalah seperti di **Rajah 1**.

Rajah 1: Tema, Pemangkin Dasar dan Pemacu Perubahan di bawah RMKe-12

RMKe-12 Keluarga Malaysia: Makmur, Inklusif, Mampan		Pemacu Perubahan I: Kepentingan Melaksanakan Pembaharuan dan Transformasi
Tema 1	Menjana Semula Ekonomi	Pemacu Perubahan II: Memungkinkan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi Pemacu Perubahan III: Mentransformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana sebagai Pemacu Pertumbuhan Baharu
Tema 2	Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan & Inklusiviti	Pemacu Perubahan IV: Memantapkan Keselamatan Negara dan Perpaduan untuk Pembinaan Negara Bangsa Pemacu Perubahan V: Memperkukuh Sistem Penjagaan Kesihatan bagi Memastikan Negara yang Sihat dan Produktif Pemacu Perubahan VI: Mentransformasi Pendekatan bagi Membasmi Kemiskinan Tegar Pemacu Perubahan VII: Menggandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun terutama di Sabah dan Sarawak bagi Merapatkan Jurang Pembangunan

Tema 3	Melonjakkan Kemampuan	Pemacu Perubahan VIII: Menerima Guna Ekonomi Kitaran Pemacu Perubahan IX: Mempergiat Penerimaan Penggunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu
Pemangkin Dasar 1	Membangunkan Bakat Masa Hadapan	Pemacu Perubahan X: Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan
Pemangkin Dasar 2	Mempercepat Penerimaan Teknologi & Inovasi	Pemacu Perubahan XI: Meningkatkan Ketersambungan Digital untuk Pembangunan Inklusif Pemacu Perubahan XII: Menjajarkan Penyelidikan dan Pembangunan untuk Pengkomersialan, Penjanaaan Kekayaan dan Pertumbuhan Ekonomi
Pemangkin Dasar 3	Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan	Pemacu Perubahan XIII: Mentransformasi Ekosistem Logistik bagi Meningkatkan Kecekapan
Pemangkin Dasar 4	Memperkukuh Perkhidmatan Awam	Pemacu Perubahan XIV: Mentransformasi Perkhidmatan Awam melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

Pemantauan Dasar dan Strategi RMKe-12

3.3 Kerajaan telah menyediakan dokumen **Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD)** yang merupakan panduan komprehensif bagi memudahkan penyelarasan pelaksanaan dan pemantauan dasar di peringkat nasional. Dokumen ini dapat membantu kementerian dan agensi menyelaraskan bagi memantau pelaksanaan dasar, strategi, inisiatif dan pelan tindakan yang telah digariskan dalam RMKe-12 serta menjajarkan program/projek masing-masing dengan kerangka keberhasilan RMKe-12.

3.4 Kementerian/Jabatan dikehendaki melaporkan kemajuan pelaksanaan RMKe-12 yang merangkumi pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di peringkat nasional dan kemajuan pelaksanaan pelan tindakan pada setiap suku tahun kepada Kementerian Ekonomi. Prestasi pelaksanaan RMKe-12 ini akan dibentangkan secara berkala kepada **Jawatankuasa Khas Pemantauan** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa ini sentiasa memantau pelaksanaan RMKe-12 dengan rapi bagi memastikan *outcome* yang ditetapkan dapat dicapai dan keperluan sosioekonomi rakyat turut dipenuhi. Jawatankuasa ini juga meneliti dan memutuskan intervensi yang bersesuaian bagi menyelesaikan isu dan cabaran dalam pelaksanaan dasar dan strategi RMKe-12.

3.5 Sehingga suku ketiga tahun 2022, prestasi pencapaian *outcome* nasional RMKe-12 berdasarkan prestasi keseluruhan KPI Nasional telah mencapai **59%**. Kemajuan pelaksanaan pelan tindakan yang merangkumi keseluruhan 1,644 pelan tindakan RMKe-12, menunjukkan 76% atau 1,255 pelan tindakan adalah dalam pelaksanaan dan 10% atau 166 pelan tindakan telah siap.

Pemantauan Pelaksanaan Program/Projek RMKe-12

3.6 Dalam memastikan pelaksanaan program/projek RMKe-12 secara efektif dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan, kementerian/jabatan hendaklah melaksanakan **pemantauan** program/projek secara berterusan serta memperkukuh pelaporan secara atas talian dalam **sistem MyProjek** secara berkala berdasarkan arahan yang berkuat kuasa.

3.7 Unjuran keseluruhan peruntukan Belanja Pembangunan (DE) bagi tempoh RMKe-12 adalah berjumlah **RM400 bilion**. Bagi RP1 (2021), kementerian/jabatan telah membelanjakan RM64.25 bilion atau 93.12% berbanding peruntukan asal sebanyak RM69 bilion. Manakala prestasi perbelanjaan RP2 (2022) sehingga 15 Oktober 2022 adalah sebanyak RM49.37 bilion atau 71.5% berbanding peruntukan dipinda sebanyak RM69.05 bilion. Semasa pembentangan Bajet 2023 pada 7 Oktober 2022, Kementerian Kewangan (MOF) telah mencadangkan peruntukan DE sebanyak RM95 bilion. Ringkasan agihan dan perbelanjaan peruntukan DE bagi RP1 (2021) dan RP2 (2022) mengikut sektor serta cadangan Bajet 2023 adalah seperti **Jadual 1**.

Jadual 1: Agihan dan Prestasi Perbelanjaan DE Mengikut Sektor Tahun 2021 - 2023

Sektor	RP1 (2021)		RP2 (2022)			RP3 (2023)
	Peruntukan Asal (RM Bilion)	Perbelanjaan Sebenar (RM Bilion)	Peruntukan Asal (RM Bilion)	Peruntukan Dipinda (RM Bilion)	Perbelanjaan Sebenar* (RM Bilion)	Cadangan Peruntukan (RM Bilion)
Ekonomi	38.89	31.28	40.33	35.31	25.95	54.05
Sosial	18.37	22.60	22.79	22.04	14.97	25.16
Keselamatan	7.78	7.50	9.09	8.58	5.87	10.83
Pentadbiran	3.96	2.87	3.39	3.12	2.58	4.96
Jumlah	69.00	64.25	75.60	69.05	49.37	95.0

Nota: *Rekod perbelanjaan sehingga 15 Oktober 2022

3.8 Dengan mengambil kira perbelanjaan sebenar RP1 (2021), peruntukan dipinda RP2 (2022) dan cadangan Bajet 2023, sebanyak **RM228.30 bilion** dijangka dibelanjakan daripada keseluruhan peruntukan DE dalam tempoh tiga tahun RMKe-12. Baki unjuran peruntukan DE bagi tempoh RP4 (2024) dan RP5 (2025) adalah sebanyak **RM171.7 bilion** dengan anggaran purata peruntukan tahunan sebanyak **RM85.85 bilion** setahun.

4. Peranan dan Tindakan Kementerian/Jabatan dalam Penyediaan KSP RMKe-12

4.1 Kerjasama dan penglibatan aktif semua pihak yang berkepentingan terutamanya kementerian, jabatan, agensi Kerajaan dan kerajaan negeri diperlukan bagi memastikan penyediaan KSP RMKe-12 berjalan lancar. Selain itu, sesi libat urus yang holistik bersama pelbagai pihak berkepentingan lain seperti pihak swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) dan pemimpin masyarakat perlu dibuat bagi memastikan semua input diambil kira dalam penyediaan KSP RMKe-12. Ini juga bagi membolehkan idea yang kreatif dan inovatif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. **Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG)** akan ditubuhkan di peringkat Kementerian Ekonomi manakala **Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) dan Kumpulan Fokus (FG)** perlu ditubuhkan di peringkat kementerian/jabatan bagi membantu penyediaan KSP RMKe-12.

4.2 Mesyuarat IAPG, TWG dan FG perlu diadakan berdasarkan jadual yang telah ditetapkan. Keanggotaan IAPG di peringkat kementerian/jabatan hendaklah diwakili sekurang-kurangnya oleh pegawai **di peringkat Setiausaha Bahagian** di kementerian/jabatan masing-masing. Penyelaras IAPG di Kementerian Ekonomi akan menyediakan terma rujukan, mengenal pasti keahlian dan mengadakan mesyuarat IAPG mengikut jadual. Pada masa yang sama, kementerian/jabatan perlu menyediakan terma rujukan, mengenal pasti keahlian dan mengadakan mesyuarat TWG dan FG berdasarkan keperluan yang dikenal pasti dalam mesyuarat IAPG. Mesyuarat IAPG perlu bersidang sekurang-kurangnya tiga kali bagi membolehkan isu, strategi dan hala tuju baharu yang lebih komprehensif dapat digubal.

4.3 Bagi membantu perbincangan IAPG, TWG dan FG dengan lebih berkesan dan menyeluruh, Kementerian/jabatan perlu menyediakan input berpandukan 13 bab, tiga tema dan empat pemangkin dasar RMKe-12. Input berkenaan antara lain termasuk:

- (a) **penilaian dan semakan semula pencapaian** berdasarkan KPI dan sasaran yang telah ditetapkan, analisis jurang, cadangan penambahbaikan inisiatif dan memperkenalkan hala tuju baharu atau menambahbaik hala tuju sedia ada bagi baki tempoh RMKe-12;
- (b) **isu dan cabaran** yang dihadapi dalam pelaksanaan dasar di bawah RMKe-12 termasuk perancangan dan pelaksanaan program/projek yang telah diluluskan; dan
- (c) penambahbaikan dalam aspek penyampaian perkhidmatan awam termasuk **kecekapan pelaksanaan program/projek pembangunan** dengan mengambil iktibar daripada pengalaman pelaksanaan projek-projek pembangunan pada tahun 2021 dan 2022 serta Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) terdahulu.

4.4 Bagi memberi justifikasi yang lebih kukuh terhadap penyediaan input tersebut, Kementerian/jabatan perlu memastikan **penilaian dan semakan** terhadap dasar serta hala tuju RMKe-12 disokong oleh **kajian data dan dapatan empirikal** supaya dapat menggambarkan situasi sebenar pencapaian pelaksanaan dasar Kerajaan. Dalam hubungan ini, Kementerian/jabatan boleh menggunakan khidmat serta nasihat **Jabatan Perangkaan Malaysia** dalam menjalankan kajian data dan dapatan empirikal tersebut.

4.5 Garis panduan bagi penubuhan dan pelaksanaan mesyuarat IAPG adalah seperti di **Lampiran I**.

5. Perancangan dan Penyediaan Program/Projek RP4-RP5 (2024-2025)

5.1 Di bawah KSP RMKe-12, perancangan program/projek DE akan terus dilaksanakan melalui pendekatan sedia ada, iaitu **kaedah Rolling Plan (RP)**. Jumlah siling dan peruntukan yang akan diluluskan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Anggaran siling bayangan (*shadow ceiling*) yang ditetapkan perlu dijadikan panduan oleh kementerian/jabatan semasa menyediakan cadangan program/projek supaya kementerian/jabatan tidak mengemukakan permohonan yang berlebihan.

5.2 Kementerian Ekonomi sebagai **agensi pusat** yang bertanggungjawab ke atas kelulusan projek pembangunan akan memastikan kelulusan projek kepada kementerian/jabatan adalah selaras dengan keutamaan dan matlamat RMKe-12 bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Dalam hubungan ini, kementerian/jabatan perlu memastikan peruntukan yang diluluskan pada tahun semasa dibelanjakan sepenuhnya dan projek siap mengikut jadual. Ini bagi memastikan sasaran **outcome projek tercapai** dan membolehkan rakyat mendapat **manfaat** daripada pelaksanaan projek.

5.3 Bagi permohonan projek DE di bawah RP4 (2024) dan RP5 (2025), kementerian/jabatan perlu memastikan projek-projek tersebut adalah berdasarkan **keutamaan** dan memberi **impak yang besar** kepada rakyat serta pertumbuhan ekonomi negara. Bagi memastikan kawalan terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek yang lebih menyeluruh, semua permohonan projek pembangunan Kerajaan Persekutuan tanpa mengambil kira mod pembiayaan termasuk **Kerjasama Awam Swasta/Inisiatif Pembiayaan Swasta (PPP/PFI)** yang dilaksanakan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) dan MOF perlu dibuat menerusi **pendekatan perancangan berpusat** (*single window*) dalam MyProjek.

Pematuhan Dasar dan Peraturan Umum

Peringkat Permohonan

5.4 Kementerian/Jabatan perlu memastikan perancangan projek adalah selaras dengan **Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan** yang sedang berkuat kuasa. Kementerian/Jabatan juga perlu merujuk kepada **Lampiran II** mengenai Senarai Klasifikasi Pembiayaan Program dan Projek di bawah Belanja Pembangunan (DE) dan Belanja Mengurus (OE) yang telah dikemaskini dengan mengambil kira pengelasan kerja penyenggaraan dan projek pemulihan, pemuliharaan, ubah suai dan naik taraf di bawah DE dan OE.

5.5 Dalam usaha memastikan komitmen Malaysia dalam **Agenda 2030** dapat dicapai selaras dengan hasrat untuk melonjakkan kemampanan bagi menjamin pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kualiti hidup rakyat dan melindungi alam sekitar, kementerian/jabatan hendaklah **menjajarkan dengan tepat** permohonan projek dengan 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Selain itu, penggunaan teknologi terkini serta pendigitalan berdasarkan **inisiatif MyDIGITAL** perlu diambil kira bagi membolehkan rakyat menguasai teknologi untuk meningkatkan kualiti, taraf hidup dan peningkatan produktiviti ke arah status negara berpendapatan tinggi.

5.6 Selain itu, kementerian/jabatan perlu memberi penekanan kepada pencapaian **sasaran pengurangan karbon kebangsaan** dalam *Nationally Determined Contributions* (NDC) serta langkah-langkah mitigasi dan adaptasi perubahan iklim, perlindungan alam sekitar, sumber semulajadi dan biodiversiti serta pengurusan risiko bencana dalam perancangan semua program dan projek. Bagi projek-projek fizikal terutamanya projek pembinaan baharu, elemen-elemen kecekapan tenaga, infrastruktur dan bangunan hijau, penggunaan sistem penuaian air hujan, pengurusan sisa yang komprehensif dan tenaga boleh baharu serta konsep ekonomi kitaran perlu diberi penekanan. Permohonan tersebut juga perlu mengambil kira pematuhan kepada garis panduan berkenaan pembinaan bangunan/ infrastruktur hijau yang sedang berkuat kuasa.

5.7 Cadangan projek perlu diselaraskan bersama kerajaan negeri menerusi Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)/ Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)/ Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) untuk mengambil kira input dan keutamaan projek daripada kerajaan negeri. Kementerian/Jabatan perlu memastikan senarai cadangan keutamaan projek yang dikemukakan oleh kerajaan negeri adalah melalui UPEN atau Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) untuk dipertimbangkan sebelum dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi. Bagi memastikan pelaksanaan projek yang lebih lancar, kementerian/jabatan perlu mengadakan sesi libat urus dan mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak koridor utiliti negeri (jika ada) dan syarikat penyedia utiliti seperti elektrik, telekomunikasi dan bekalan air negeri. **Permohonan projek yang muktamad dalam MyProjek perlu dikemukakan melalui kementerian/jabatan sahaja.**

5.8 Kelulusan DE bagi projek-projek Persekutuan akan diberi keutamaan sepertimana dalam **Senarai Persekutuan** dan **Senarai Bersama** di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Manakala bagi projek-projek di bawah Senarai Negeri, kelulusan peruntukan hanya boleh **dipertimbangkan secara pinjaman sahaja** berdasarkan **case-by-case basis**.

5.9 Permohonan projek secara *one-line item* bagi projek-projek baharu **tidak dibenarkan**. Kementerian/Jabatan perlu memastikan permohonan projek hanya berdasarkan skop dan lokaliti projek yang jelas. Projek yang bersifat pelbagai negeri perlu dipecahkan mengikut negeri bagi membolehkan pemantauan dan pelaksanaan projek yang berkesan serta memastikan agihan peruntukan yang lebih bersasar.

5.10 Bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan projek teknologi komunikasi maklumat (ICT), keselamatan siber, penyelidikan dan pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dan pembinaan bangunan kuarters, semua cadangan projek baharu yang dipohon perlu melalui proses berikut:

- (a) sebelum permohonan **projek ICT** baharu dibuat, kementerian/jabatan hendaklah merujuk kepada **Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)** melalui Jawatankuasa

Pemandu ICT (JPICT) kementerian/jabatan. Permohonan projek ICT baharu yang diterima oleh Kementerian Ekonomi akan dikemukakan kepada MAMPU untuk semakan dan saringan awal supaya selaras dengan Dasar dan Garis Panduan ICT Sektor Awam dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025;

- (b) permohonan projek berkaitan **keselamatan siber** perlu dirujuk kepada **Pejabat Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara, Majlis Keselamatan Negara (NACSA, MKN)** selaku agensi peneraju bagi keselamatan siber negara. Permohonan projek berkaitan keselamatan siber perlu dinilai dan diperaku terlebih dahulu oleh NACSA sebelum dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi bagi memastikan projek yang dicadangkan adalah selaras dengan Arahan MKN No. 26: Pengurusan Keselamatan Siber Negara dan *Malaysia Cyber Security Strategy (2020-2024)*;
- (c) permohonan projek **R&D&C&I** yang diterima oleh Kementerian Ekonomi akan dikemukakan kepada **Research Management Unit (RMU), Bahagian Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi (BIPST)**, Kementerian Ekonomi untuk semakan dan saringan awal supaya selaras dengan keutamaan dan dasar semasa R&D&C&I negara; dan
- (d) projek **kuarters** perlu dinilai dan diperaku terlebih dahulu oleh **Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM)** sebelum dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi.

5.11 Bagi memastikan urusan berkaitan tanah berjalan lancar dan mempercepatkan projek, kementerian/jabatan perlu melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) memanfaatkan **tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)** sedia ada untuk tujuan pelaksanaan projek bagi mengurangkan permohonan perolehan tanah baharu. Semakan dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) perlu dibuat oleh kementerian/jabatan sekiranya terdapat keperluan untuk rundingan

melibatkan perubahan Kementerian dan Jabatan Pengguna (KJP) atas tanah projek yang telah dikenal pasti;

- (b) memastikan **tapak projek siap sedia** untuk dimasuki oleh kontraktor dan tiada isu halangan dan bebanan di tapak projek, contohnya setingan, bantahan penduduk serta faktor geografi yang tidak sesuai. Pengesahan tapak bebas bebanan dan sedia dimasuki perlu diperolehi dari JKPTG negeri;
- (c) sekiranya **perolehan tanah baharu** perlu dibuat, kementerian/jabatan boleh memohon DE untuk perolehan tanah bagi pelaksanaan projek berkenaan. Permohonan berkenaan perlu menepati syarat skor sekurang-kurangnya **60%** berdasarkan sistem pemarkahan yang ditetapkan dalam Borang Penilaian Tapak dan Laporan Lawatan Tapak. Permohonan bagi kerja-kerja awalan dan penyiasatan tanah juga boleh dikemukakan sekiranya kementerian/jabatan telah memperoleh **kelulusan secara prinsip** untuk melaksanakan satu-satu projek;
- (d) memastikan perolehan tanah yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan secara **geran langsung** perlu dipindah milik dan didaftarkan atas nama PTP. Kementerian/Jabatan perlu memastikan perolehan tanah hanya dibuat berdasarkan **keperluan sebenar projek** sahaja. Selain itu, bagi menjimatkan kos Kerajaan Persekutuan, kementerian/jabatan hendaklah **berunding** mengenai bayaran premium dengan Kerajaan Negeri. Contohnya, rundingan bayaran premium dibuat berdasarkan kepada tarikh rizab diwartakan bagi tanah yang dibatalkan rizab untuk tujuan pemberimilikan;
- (e) mengguna pakai **sistem pemetaan lokasi** yang bersesuaian bagi tujuan pemetaan lokasi projek untuk mengesahkan tiada projek yang sama atau tiada pemilikan tanah sedia ada milik kementerian/jabatan di lokaliti berhampiran; dan

- (f) memastikan urusan pendaftaran atas nama PTP atau **pewartaan Rizab Persekutuan dan Rizab Negeri bagi maksud Persekutuan** diselesaikan terlebih dahulu sebelum memohon kerja-kerja pembinaan fizikal projek. Walau bagaimanapun, kelonggaran bagi kelulusan projek berbentuk jajaran boleh diberikan sekiranya kementerian/jabatan telah memperolehi **Borang K (Notis Bahawa Milikan Tanah/Peletakhakan Petak Telah Diambil)**.

5.12 Bagi memastikan projek berdaya maju dengan kos yang berkesan serta berimpak tinggi, kementerian/jabatan perlu melaksanakan analisis berikut:

- (a) **Public Sector Comparator (PSC)** - Membuat **perbandingan kos** dengan projek yang telah dilaksanakan sebelum ini sebagai panduan penetapan kos oleh kementerian/jabatan;
- (b) **Value at Entry (VAE)** - Melaksanakan inisiatif VAE yang merangkumi **Acquisition Categorisation (ACAT), Value Management Strategic (VMS) dan Gerbang Nilai 0** bagi menentukan daya maju projek dengan konsep '*do it right at the first time*'. Maklumat VAE yang mengandungi brif, skop dan anggaran kos perlu dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi untuk pertimbangan dan kelulusan;
- (c) **Logical Framework Matrix (LFM)** - Menyediakan LFM bagi mengenal pasti projek dengan **outcome berimpak tinggi** yang boleh dilaksanakan dan **berdaya maju (viable)** berdasarkan andaian faktor risiko dan dimuat naik dalam MyProjek; dan
- (d) **Creativity Index (CI)** - Mengunci masuk nilai CI projek dalam MyProjek untuk menentukan **keutamaan projek** dan boleh mengambil kira **nilai sasaran kuantiti** di dalam LFM supaya mewujudkan kesalinghubungan dengan *outcome* projek.

5.13 Kementerian/Jabatan perlu mengutamakan cadangan permohonan projek dengan mengambil kira agihan sekurang-kurangnya **50% daripada keseluruhan peruntukan DE Asas** kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu.

Peringkat Pasca Kelulusan dan Pelaksanaan Projek

5.14 Kementerian/Jabatan perlu memulakan kerja-kerja peringkat pra pelaksanaan bagi projek baharu sebaik sahaja mendapat pengesahan senarai projek daripada Kementerian Ekonomi. Dalam hubungan ini, kementerian/jabatan perlu menyediakan jadual perancangan dan pelaksanaan projek yang lengkap serta membuat persiapan sewajarnya supaya **Surat Setuju Terima (SST)** projek dapat dikeluarkan dengan segera.

5.15 Keperluan pelaksanaan **Pengurusan Nilai/ Value Management (VM)** perlu dilaksanakan ke atas program/projek dengan kos RM50 juta dan ke atas. Selain itu, bagi projek-projek bangunan dengan kos projek RM5 juta dan ke atas serta projek-projek menaik taraf dengan kos projek RM1 juta dan ke atas diwajibkan untuk mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK) yang diurus setia oleh Bahagian Pengurusan Nilai, Kementerian Ekonomi. Pengecualian kelulusan daripada JSK diberikan jika agensi pelaksana adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia bagi projek-projek di dalam RMKe-12.

5.16 Semua projek fizikal perlu diteliti dan dilaksanakan oleh Jabatan Teknik iaitu JKR Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sepertimana ditetapkan dalam **Arahan Perbendaharaan 182 (AP 182)**. Kementerian/Jabatan perlu mendapatkan pengecualian dari Jabatan Teknik sekiranya ingin melaksanakan sendiri projek pembangunan yang dimaksudkan dengan justifikasi yang kukuh.

5.17 **Pre-Approved Plan (PAP)** yang disediakan oleh JKR Malaysia perlu diguna pakai sekiranya projek yang dimohon oleh kementerian/jabatan diklasifikasikan dalam kategori reka bentuk bangunan PAP. Penggunaan PAP secara optimum akan memendekkan masa dalam proses mereka bentuk projek, memberi pilihan dan alternatif reka bentuk bangunan yang telah tersedia serta berupaya mempercepatkan

pelaksanaan projek. Berdasarkan statistik JKR Malaysia, hanya sebanyak 10 projek telah dilaksanakan mengguna pakai rekabentuk PAP pada tahun 2021. Manakala, sehingga September tahun 2022, sebanyak 18 projek telah dilaksanakan mengguna pakai reka bentuk PAP.

5.18 Kementerian/Jabatan perlu memastikan projek pembangunan yang bernilai **RM10 juta dan ke atas** dilaksanakan dengan menggunakan kaedah Sistem Pembinaan Industri/ *Industrialised Building System* (IBS). Penetapan ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan kualiti serta produktiviti pembinaan, memendekkan tempoh pembinaan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Selain itu, kementerian/jabatan dikehendaki menggunakan bahan binaan tempatan kecuali bagi perolehan kerja yang tertakluk di bawah perjanjian *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

5.19 Kementerian/Jabatan perlu mengambil tindakan serius untuk mengurus projek pembangunan dengan lebih teliti supaya keperluan permohonan **Notis Perubahan (NOC)** di sepanjang tempoh perancangan dan pelaksanaan projek dapat diminimumkan. Perkara ini perlu diberi perhatian memandangkan statistik kelulusan NOC sepertimana ditunjukkan dalam **Jadual 3**:

Jadual 3: Statistik Kelulusan NOC dalam SPPII/MyProjek

RANCANGAN MALAYSIA	TAHUN	BILANGAN NOC
RMKe-9	2006-2010	1,648
RMKe-10	2011-2015	2,553
RMKe-11	2016-2020	4,445
RMKe-12	2021-2025	2,601*

Nota: *Maklumat terkini sehingga 31 Oktober 2022 (melibatkan sebanyak 12,355 projek)

5.20 Bagi mengelakkan bilangan permohonan NOC yang tinggi, Kementerian/jabatan dikehendaki melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) merancang pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan kos kontrak tidak melebihi kos keseluruhan yang diluluskan. Kementerian/Jabatan perlu mempertimbangkan pendekatan **design-to-cost** semasa memuktamadkan reka bentuk projek selagi mana fungsi dan keberhasilan projek tidak terjejas apabila projek siap sepenuhnya;
- (b) permohonan NOC untuk projek sedia ada seperti peningkatan kos, pelarasan siling dan perubahan skop **tidak digalakkan**;
- (c) permohonan NOC oleh Kementerian/jabatan akan **terbatal** dan perlu mengemukakan semula permohonan baharu sekiranya tiada maklum balas diterima oleh Kementerian Ekonomi dalam tempoh **14 hari** selepas notifikasi kuiry diberikan kepada Kementerian/jabatan; dan
- (d) permohonan projek baharu di luar RP melalui Notis Perubahan (NOC) adalah **tidak dibenarkan**. Pengecualian hanya akan dipertimbangkan kepada permohonan projek yang ditakrifkan dalam kategori **kecemasan** dan **kritikal** serta dilaksanakan secara **trade-off** dengan projek sedia ada pada kos yang setara. Takrifan kecemasan dan kritikal serta dilaksanakan secara *trade-off* adalah seperti **Lampiran III**.

Pematuhan Dokumen Perjanjian *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership*

5.21 Malaysia telah menandatangani perjanjian CPTPP yang **berkuat kuasa pada 29 November 2022**. Selaras dengan perjanjian berkenaan, Kerajaan komited untuk mematuhi terma yang telah ditetapkan dalam CPTPP termasuk membuka tender projek Kerajaan kepada syarikat antarabangsa dalam kalangan negara ahli CPTPP. Dalam hubungan ini, Kementerian/jabatan perlu merujuk kepada Dokumen Perjanjian CPTPP serta pindaan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa bagi sebarang cadangan program/projek yang dilaksanakan di bawah CPTPP.

Kriteria Pemilihan Projek

5.22 Pada amnya, pelaksanaan projek pembangunan perlu menepati kehendak rakyat bagi meningkatkan kesejahteraan, mengurangkan kos sara hidup, memastikan sistem penyampaian Kerajaan yang lebih cekap serta memperkasa daya saing negara supaya dapat memberi manfaat kepada sebahagian besar masyarakat serta selari dengan **outcome nasional**.

5.23 Dalam hal ini, terdapat dua kategori projek pembangunan yang perlu diberi keutamaan oleh kementerian/jabatan iaitu:

- (a) **Projek Sambungan** - Projek yang telah diberi kelulusan dalam RP terdahulu dan perlu didahulukan atas faktor perundangan serta ikatan kontrak; dan
- (b) **Projek yang Telah Mendapat Kelulusan Khas Kerajaan** - Projek yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

5.24 Bagi permohonan projek baharu, kementerian/jabatan perlu memberi keutamaan kepada kriteria-kriteria projek seperti berikut:

- (a) memberi **impak yang besar** kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi;
- (b) mempunyai **skop dan kos** bersesuaian dengan tema dan pemangkin dasar RMKe-12;
- (c) memberikan *best value for money* kepada rakyat, kerajaan dan negara tanpa elemen bermewah-mewah (**nice-to-have**) dengan tumpuan kepada reka bentuk yang meningkatkan kecekapan serta keberhasilan fungsi projek (**must-have**);
- (d) berada dalam senarai **wishlist** kerajaan negeri;

- (e) projek penyenggaraan struktur binaan sedia ada yang **kritikal dan mendesak**; dan
- (f) projek yang melibatkan **life cycle cost rendah** tetapi memberikan *outcome* yang tinggi kepada rakyat.

Dokumen Rujukan dalam Perancangan Projek Pembangunan

5.25 Kementerian/Jabatan perlu merujuk dan mematuhi akta, dasar, pekeliling, garis panduan dan peraturan yang sedang berkuat kuasa dalam perancangan dan pelaksanaan program/projek pembangunan seperti di **Lampiran IV**.

6. Permohonan Projek KSP RMKe-12

6.1 Kementerian/Jabatan perlu mengemukakan permohonan projek KSP RMKe-12 bagi RP4 (2024) dan RP5 (2025) kepada Kementerian Ekonomi secara dalam talian melalui Modul Permohonan MyProjek. Bagi permohonan RP4 (2024), tarikh permohonan bermula pada **1 Mac hingga 31 Mac 2023** manakala bagi permohonan RP5 (2025), tarikh permohonan bermula pada **1 Mac hingga 31 Mac 2024**.

6.2 Bagi setiap cadangan permohonan projek baharu, kementerian/jabatan perlu merujuk kepada Garis Panduan Penyediaan RMKe-12 dalam menyediakan **dokumen mandatori** seperti berikut:

- (a) Templat Analisis **LFM dan CI**;
- (b) Borang pengesahan **brif projek** oleh pengguna ruang dan agensi pelanggan;
- (c) Dokumen **Hak Milik, Borang K** atau Warta **Rizab Persekutuan/Negeri**;
- (d) Borang Permohonan **Peralatan** bagi projek perolehan peralatan;

- (e) Borang Penilaian **Tapak** dan Laporan Lawatan Tapak bagi projek bangunan; dan
- (f) Borang Jadual **Keperluan Ruang** bagi projek fizikal binaan atau ubah suai.

6.3 Sebagai penambahbaikan kepada Garis Panduan Penyediaan RMKe-12, kementerian/jabatan juga perlu menyediakan **dokumen mandatori tambahan baharu** seperti berikut:

- (a) **Terma Rujukan (TOR)** bagi projek kajian;
- (b) Kalkulator **ACAT (Lampiran V)**; dan
- (c) Templat Borang **GN0 (Lampiran VI)**.

6.4 **Sesi pemeriksaan bajet** akan diadakan selepas tamat tempoh permohonan projek bagi membolehkan Kementerian Ekonomi menilai dan memperakukan projek pembangunan bagi tahun 2024 dan 2025. Oleh itu, kementerian/jabatan perlu mengambil perhatian dan membuat persiapan awal sebelum sesi pemeriksaan bajet seperti berikut:

- (a) **menyusun permohonan projek** berdasarkan senarai keutamaan kementerian/jabatan dan negeri. Justifikasi perlu disediakan sekiranya projek-projek dalam senarai *wishlist* kerajaan negeri tidak menjadi keutamaan kementerian/jabatan;
- (b) menyediakan **dokumen mandatori dan sokongan** yang relevan serta lengkap bagi setiap projek, seperti di **Lampiran VII**;
- (c) menyediakan maklumat **pecahan kos terperinci** bagi setiap skop projek, antaranya kos perolehan tanah (jika berkaitan), kos perunding, kos kerja-kerja awalan, kos pembinaan, kos pembekalan kelengkapan peralatan serta aset alih (*loose item*) dan lain-lain kos berkaitan syarat kelulusan PBT atau keperluan perundangan;

- (d) menyediakan **laporan prestasi dan unjuran aliran tunai** untuk penentuan jumlah siling peruntukan sebenar bagi projek-projek sambungan dan tidak mengurangkan peruntukan atas tujuan pewujudan projek baharu;
- (e) mengemaskini maklumat-maklumat **set aktiviti dan kewangan projek sambungan** dalam MyProjek;
- (f) menyediakan unjuran keperluan **perjawatan** bagi tujuan pengoperasian; dan
- (g) memastikan projek yang dipohon adalah **viable dan sedia dilaksana**.

7. Jadual Penyediaan KSP RMKe-12 dan Permohonan Projek Tahun 2024-2025

7.1 Tentatif **jadual penyediaan KSP RMKe-12** yang melibatkan beberapa aktiviti utama adalah seperti di **Jadual 4**:

Jadual 4: Aktiviti-Aktiviti Utama Penyediaan KSP RMKe-12

BIL	AKTIVITI UTAMA	TARIKH
1.	Edaran Garis Panduan Penyediaan KSP RMKe-12 dan Permohonan Projek Pembangunan Tahun 2024-2025	Januari 2023
2.	Penubuhan dan mesyuarat IAPG, TWG dan FG	November 2022 - Mei 2023
3.	Penyediaan Dokumen Utama KSP RMKe-12	November 2022 - Februari 2023
4.	Penyediaan Dokumen Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) KSP RMKe-12	Februari-April 2023
5.	Sesi libat urus dengan pihak berkepentingan mengenai KSP RMKe-12	November 2022- Mei 2023
6.	Pembentangan KSP RMKe-12 kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN)	Mei 2023

BIL	AKTIVITI UTAMA	TARIKH
7.	Pembentangan KSP RMKe-12 kepada YB Menteri Ekonomi	Mei/Jun 2023
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Khas YAB Perdana Menteri mengenai KSP RMKe-12	Jun 2023
9.	Pembentangan Memorandum Jemaah Menteri mengenai KSP RMKe-12	Julai 2023
10.	Percetakan Dokumen KSP RMKe-12	Mac-Julai 2023
11.	Pembentangan KSP RMKe-12 di Parlimen Malaysia	September-Oktober 2023
12.	Edaran Dokumen KSP RMKe-12 dan PPD KSP RMKe-12 ke kementerian/ jabatan/ agensi/ badan berkanun/ kerajaan negeri	Oktober 2023

7.2 Aktiviti-aktiviti utama serta tarikh-tarikh penting bagi **permohonan projek pembangunan** di bawah RP4 (2024) dan RP5 (2025) adalah seperti di **Jadual 5**:

Jadual 5: Aktiviti-Aktiviti Utama Permohonan Projek Pembangunan Tahun 2024-2025

BIL	AKTIVITI UTAMA	TARIKH
1.	Perancangan penyediaan projek pembangunan oleh kementerian/jabatan dan kerajaan negeri di peringkat Dewan Undangan Negeri dan Parlimen	Januari-Jun setiap tahun
2.	Penyelarasan penyediaan dan permohonan projek pembangunan di antara kementerian/jabatan dengan kerajaan negeri	Julai-Disember setiap tahun
3.	Edaran Garis Panduan Penyediaan KSP RMKe-12 dan Permohonan Projek Pembangunan Tahun 2024-2025	Januari 2023
4.	Persediaan awal kementerian/jabatan dan kerajaan negeri bagi permohonan projek pembangunan <ul style="list-style-type: none"> ▪ RP4 (2024) ▪ RP5 (2025) 	Disember 2022-Februari 2023 Disember 2023-Februari 2024

BIL	AKTIVITI UTAMA	TARIKH
5.	Permohonan <i>wishlist</i> projek pembangunan kerajaan negeri dalam MyProjek <ul style="list-style-type: none"> ▪ RP4 (2024) ▪ RP5 (2025) 	Februari 2023 Februari 2024
6.	Permohonan projek pembangunan oleh kementerian/jabatan dalam MyProjek <ul style="list-style-type: none"> ▪ RP4 (2024) ▪ RP5 (2025) 	Mac 2023 Mac 2024
7.	Sesi pemeriksaan dan perakuan bajet pembangunan oleh Kementerian Ekonomi <ul style="list-style-type: none"> ▪ RP4 (2024) ▪ RP5 (2025) 	April-Julai 2023 April-Julai 2024

8. **Pertanyaan Berhubung KSP RMKe-12 dan Permohonan Projek Tahun 2024-2025**

8.1 Sebarang pertanyaan, surat-menyurat dan e-mel mengenai Garis Panduan Penyediaan KSP RMKe-12 dan Permohonan Projek Pembangunan Tahun 2024-2025 ini boleh dikemukakan kepada:

Urus Setia	
Kajian Separuh Penggal	
Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12)	
Kementerian Ekonomi	
E-mel	: urusetia.ksprmke12@epu.gov.my
Laman Web	: https://rmke12.epu.gov.my/ksp/
(1) Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan	
Kementerian Ekonomi	
Aras 2, Kuadran 2, Menara Prisma	
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3	
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan	
62675 Putrajaya	
Telefon	: 03-8090 2448
Faks	: 03-8090 2500
(2) Pengarah Bahagian Bajet Pembangunan	
Kementerian Ekonomi	
Aras 1, Kuadran 2, Menara Prisma	
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3	
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan	
62675 Putrajaya	
Telefon	: 03-8090 2626
Faks	: 03-8090 2500

9. PENUTUP

9.1 Garis Panduan Penyediaan KSP RMKe-12 ini memberi **gambaran yang jelas** kepada Kementerian/jabatan mengenai prestasi 2021-2022, prospek ekonomi bagi baki tempoh RMKe-12 dari 2023 hingga 2025 serta pencapaian pelaksanaan dasar RMKe-12. Di samping itu, garis panduan ini turut menggariskan panduan secara **spesifik** kepada Kementerian/jabatan untuk menyediakan input yang relevan kepada Kementerian Ekonomi dalam menilai prestasi serta cadangan hala tuju pelaksanaan KSP RMKe-12. Kementerian/Jabatan juga diharap dapat menilai semula **prestasi semasa** dan melakukan penambahbaikan serta membuat perancangan sebaiknya bagi KSP RMKe-12 untuk memastikan program/projek yang dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada rakyat dan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI)
Ketua Setiausaha Negara
Selaku Pengerusi
Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara

JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA

23 Disember 2022

**PANDUAN PENUBUHAN
KUMPULAN PERANCANG ANTARA AGENSI (IAPG)
BAGI PENYEDIAAN DOKUMEN KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS, 2021-2025**

TUJUAN

Nota ini menerangkan panduan bagi penubuhan dan pengendalian mesyuarat Kumpulan Perancang Antara Agensi (*Inter-Agencies Planning Group* - IAPG) untuk penyediaan dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12), 2021-2025.

LATAR BELAKANG

